

BERITA HARIAN/JUMAAT, 9 OKTOBER 1998

Graduan ASK boleh manfaat aktiviti seni

KUMPULAN pertama graduan Akademi Seni Kebangsaan (ASK) diyakini boleh mendapat banyak manfaat daripada kepesatan kegiatan seni dan kreatif tanah air.

Oleh itu, tidak timbul soal pengangguran di kalangan graduan kerana tenaga mereka amat diperlukan dalam kegiatan seumpama itu, kata Penolong Pengarah ASK, Mariam Sulaiman.

Seramai 29 graduan menerima diploma masing-masing, iaitu Seni Penulisan Kreatif, Seni Muzik, Seni Tari dan Seni Teater di ibu negara baru-baru ini.

“Sebagai profesional, mereka mempunyai kelebihan dalam pelbagai bidang seni kreatif seperti koreografer, penerbitan, pengurusan dan sebagainya yang boleh digunakan untuk kerjaya mereka,” katanya.

ASK ditubuhkan untuk menghasilkan seniman yang mahir dan karyawan berwibawa, di samping menentukan kesinambungan warisan seni negara dengan menumpukan pendidikan seni ke arah mengeluarkan performers yang profesional dan berilmu.

Dalam Festival Kebudayaan Komanwel '98, baru-baru ini, graduan itu banyak diberi peluang untuk terbabit dalam pementasan dan acara yang dijalankan sepanjang festival itu.

Kata Mariam, pihaknya akan menjalankan kajian terperinci selepas ini untuk mengetahui kedudukan sebenar mereka selepas keluar dari ASK supaya boleh membantu mereka.

Bagaimanapun, dia berkata pihaknya berpuas hati dengan pencapaian graduan terbabit yang berjaya menempa sejarah dalam perkembangan seni negara.

Ini disebabkan mereka adalah kumpulan pertama dilahirkan ASK dan mereka pula mempunyai berbakat besar.